Hasil Pembelajaran Kursus Di akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Menghuraikan tema yang dibahaskan dalam Akidah Islam. [C2] **2.** Mengaplikasikan nilai tauhid dalam akidah Islam secara mahir dan praktikal dalam konteks kehidupan realiti dan keadaan semasa. [C3] **3.** Menganalisis fahaman akidah yang mempunyai impak terhadap akidah *Ahl al-Sunnah wa al- Jama`ah* berdasarkan pemikiran kritis dan analitis bertunjangkan ilmu akidah bagi menyelesaikan masalah dan isu semasa dalam masyarakat. [C4]	***Course Learning Outcomes*** *At the end of the course, students are able to:* *1. Explain the themes discussed in the Islamic creed. [C2]* *2. Apply the value of monotheism in the Islamic faith skillfully and practically in the context of real life and current circumstances. [C3]* *3. Analyze the creed that has an impact on the Ahl al-Sunnah wal Jama`ah creed based on critical thinking and Islamic faith-based analysis to solve current issues in the society. [C4]*
Kaedah Penilaian dan Pemarkahan Penilaian Berterusan: 40% Peperiksaan Akhir: 60%	***Marking and Assessment Methods*** *Continuous Assessment: 40%* *Final Examination: 60%*

IIQ1012 Kajian Perbandingan Agama (3 kredit)
IIQ1012 Study of Comparative Religion (3 credit)

Sinopsis Kandungan Kursus Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada ilmu perbandingan agama melalui penghuraian konsep, falsafah, prinsip, objektif, kepentingan dan sejarah perkembangannya. Kursus ini juga membincangkan pendekatan mengaplikasikan prinsip Islam dalam ilmu perbandingan agama secara mahir dan praktikal dalam konteks kehidupan realiti dan keadaan semasa. Selain itu ia turut menganalisis pemikiran dan kecenderungan intelektual dalam hubungan antara agama yang mempunyai impak terhadap kefahaman, persepsi, kepercayaan dan praktik keislaman berdasarkan kemahiran kritis, analitis dan saintifik bertunjangkan ilmu perbandingan agama untuk menyelesaikan masalah dan isu semasa antara agama, seperti konsep dialog antara agama dan persoalan pluralisme agama.	***Synopsis of Course Contents*** *This course introduces students to the science of comparative religion through the elaboration of concepts, philosohies, principles, objectives, interests and history. It also discusses the approach to apply the principles of Islam in the context of the realities of life and current situations. In addition, it also analyzes the cognitive and intellectual trends in the relationship between religions which have a direct impact on the understanding, perceptions, beliefs and practices of Islam based on analytical, scientific and critical skills, rooted in comparative religion to solve problems and current issues between religions, such as the concept of inter-religious dialogue and the question of religious pluralism.*
Hasil Pembelajaran Kursus Di akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Menghurai falsafah, prinsip dan objektif ilmu perbandingan agama dalam tradisi pengajian Islam. [C2] 2. Mengaplikasikan prinsip Islam dalam ilmu perbandingan agama secara mahir dan praktikal. [P3] 3. Menganalisis pemikiran dan kecenderungan intelektual dalam hubungan antara agama untuk menyelesaikan masalah dan isu semasa antara agama. [A3]	***Course Learning Outcomes*** *At the end of the course, students are able to:* *1. To explain the philosophy, principles and objectives of comparative religion in the tradition of Islamic studies.[C2]* *2. To appply the principles of Islam in the science of comparative religion as a skill and practice. [P3]* *3. To analyze thinking and intellectual trends in the relationship between religions to solve the problems and current issues between religions. [A3]*
Kaedah Penilaian dan Pemarkahan Penilaian Berterusan: 40% Peperiksaan Akhir: 60%	***Marking and Assessment Methods*** *Continuous Assessment: 40%* *Final Examination: 60%*

IIQ2012 Aliran Pemikiran Islam (3 kredit)
IIQ2012 Schools of Islamic Thought (3 credit)

Sinopsis Kandungan Kursus	***Synopsis of Course Contents***
Kursus ini membincangkan mengenai identiti, prinsip, tokoh dan latar belakang kemunculan mazhab dan firaq akidah umat Islam. Ia turut menjelaskan asas keilmiahan akidah Islam menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah dan kesinambungannya dengan akidah sahih yang diwarisi daripada generasi salaf. Selain itu, ia juga menyediakan pengetahuan bagi menentukan iktikad kefahaman yang sahih menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah berbanding iktikad kefahaman firaq Islam yang lain berhubung persoalan akidah. Antara perkara yang didiskusikan secara analisis perbandingan ialah mengenai konsep imamah, pelaku dosa besar, perbuatan hamba, qadha' dan qadar, ayat mutashabihat dan lain-lain.	*This course discusses the identities, principles, personalities and risen background of each Islamic sects. It also explains the intellectual foundation of Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah doctrines as the authentic legacy of salaf's beliefs. In addition, it also provides a knowledge to identify the differences between Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah and others Islamic sects' doctrines towards the issues in Islamic Creeds. Among the topics that are discussed in the method of comparative analysis are the concept of imamah, great sinner, servant acts, qada' and qadr, mutashabihat verses and others.*
Hasil Pembelajaran Kursus Di akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Mengenal pasti identiti, prinsip, tokoh dan latar belakang kemunculan mazhab dan firaq akidah umat Islam. [C2] 2. Menjelaskan asas keilmiahan akidah Islam menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah dan kesinambungannya dengan akidah sahih yang diwarisi daripada generasi salaf. [C3] 3. Menentukan iktikad kefahaman yang sahih menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah berbanding iktikad kefahaman firaq Islam yang lain berhubung persoalan akidah. [P3]	***Course Learning Outcomes*** *At the end of the course, students are able to:* *1. Identify the identities, principles, personalities and risen background of each Islamic sects. [C2]* *2. Explain the intellectual foundation of Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah doctrines as the authentic legacy of salaf's beliefs.[C3]* *3. Analyse the differences between Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah and others Islamic sects' doctrines towards the issues in Islamic Creeds. [P3]*
Kaedah Penilaian dan Pemarkahan Penilaian Berterusan: 40% Peperiksaan Akhir: 60%	***Marking and Assessment Methods*** *Continuous Assessment: 40%* *Final Examination: 60%*

IIQ2013 Sistem Dalam Tamadun Islam (3 kredit)
IIQ2013 Systems in Islamic Civilization (3 credit)

Sinopsis Kandungan Kursus	***Synopsis of Course Contents***
Kursus ini bertujuan memberi gambaran yang jelas mengenai sejarah pertumbuhan dan perkembangan sistem dan institusi Islam dalam aspek pemerintahan, pentadbiran, kehakiman, perekonomian, ketenteraan dan lain-lain sepanjang sejarah Islam silam.	*The course aims to provide a clear picture of the history of the growth and development of Islamic systems and institutions in the areas of government, administration, judiciary, economy, military and others throughout Islamic history.*
Hasil Pembelajaran Kursus Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Menghuraikan asas dan sejarah perkembangan sistem dan institusi Islam dalam Tamadun Islam. C2 2. Mengkaji kedudukan dan kepentingan sesebuah Institusi Islam dalam kehidupan masyarakat Islam kini. A3. 3. Mengubahsuai konsep, sistem kemasyarakatan, institusi-institusi Islam dalam pelbagai aspek seperti politk, pentadbiran, kehakiman, ketenteraan dan lain-lain untuk disesuaikan dalam masyarakat Islam kini. A4.	***Course Learning Outcomes*** *At the end of this course, students will be able to:* *1. Describe the early history of Islamic systems and institutions in Islamic Civilization. C2* *2. Analyze the position and importance of an Islamic institution in people's lives. A3* *3. Modify the concept, social system, Islamic institutions in various aspects such as politics, administration, judiciary, military and others to suit the current Muslim society. A4*
Kaedah Penilaian dan Pemarkahan Penilaian Berterusan: 40% Peperiksaan Akhir: 60%	***Marking and Assessment Methods*** *Continuous Assessment: 40%* *Final Examination: 60%*

IIQ2014 Pembangunan Insan (3 kredit)
IIQ2014 Human Development (3 credit)

Sinopsis Kandungan Kursus Kursus ini membincangkan tentang konsep pembangunan insan, aspek-aspek pembangunan insan serta memahami isu-isu pembangunan insan dalam masyarakat di Malaysia serta melaksanakan program pembangunan insan terhadap masyarakat.	***Synopsis of Course Contents*** *This course will discuss topics which are related to concepts of human development, its aspects and human development issues in Malaysia society. It also will emplement potential activities and human development programs.*
Hasil Pembelajaran Kursus Di akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Menjelaskan konsep pembangunan insan menurut perspektif Islam. [C2] 2. Menghuraikan isu pembangunan insan di Malaysia. [C2] 3. Melaksanakan aktiviti pembangunan insan terhadap masyarakat. [P3]	***Course Learning Outcomes*** *At the end of this course students are able to:* *1. Understand the concept of human development from Islamic perspective. [C2]* *2. Describe human development issue in Malaysia. [C2]* *3. implement human development programs for the community. [P3]*
Kaedah Penilaian dan Pemarkahan Penilaian Berterusan: 50% Peperiksaan Akhir: 50%	***Marking and Assessment Methods*** *Continuous Assessment: 50%* *Final Examination: 50%*

IIQ3010 Kajian Fatwa dan Ajaran Salah di Malaysia (3 kredit)
IIQ3010 Fatwa Studies and Deviant Teaching in Malaysia (3 credit)

Sinopsis Kandungan Kursus	***Synopsis of Course Contents***
Kursus ini memfokuskan perbincangan tentang kajian ajaran salah di Malaysia dengan melihat aspek-aspek teras dan fundamental dalam sesuatu ajaran yang dikatakan salah, sesat dan seleweng. Kayu ukur dan prinsip yang diguna pakai turut dibincangkan dengan penekanan utama kepada al-Qur'an dan prinsip-prinsip terasnya berkaitan akidah Islamiah; diikuti al-Hadith dan aspek-aspek yang berkait rapat dengannya. Kajian dan tumpuan diberikan kepada Malaysia dan serantau yang mempunyai hubungan langsung dan tidak langsung dengan persoalan ajaran salah, sesat dan seleweng. Punca, faktor, pengaruh, kesan, ciri-ciri utama dan fatwa sesuatu ajaran itu dikatakan salah, sesat dan seleweng dijadikan bahan analisis dan perbandingan. Antara bidang ilmu yang diliputi dalam pengajian ini ialah akidah, tasawuf, ilmu kalam dan falsafah.	*This course discusses the deviant teachings in Malaysia through an examination into the principle and fundamental of their doctrines. Standard for the evaluation of these teachings is also discussed by focusing on the Qur'an and the Prophetic Tradition as the main sources as well as other related sources. Focus study and attention are given to Malaysia and the other regions that have direct and indirect links to the issues of deviant teachings. The causes, factors, influences, effects, main features and fatwa of the doctrines that are considered false, misguided, and distorted are to be analysed and compared. Among the areas of disciplines covered in this study are faith, Sufism, theology and philosophy.*
Hasil Pembelajaran Kursus Di akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Mengenalpasti ajaran yang difatwakan salah, sesat dan seleweng dalam bidang-bidang berkaitan; terminologi atau istilah yang relevan; kedudukan Islam dalam peruntukan Perlembagaan Malaysia, Undang-undang Tubuh dan Enakmen negeri-negeri seluruh Malaysia [C2] 2. Menghuraikan sejarah dan perkembangan ajaran salah, sumber, standard (piawaian) yang dijadikan penentu sesuatu ajaran berasaskan prinsip ajaran Islam yang sebenar. [C3] 3. Menganalisis fatwa-fatwa ajaran salah yang telah diwartakan [C4]	***Course Learning Outcomes*** *At the end of the course, students are able to:* 1. *Identify false and deviant teachings in the relevant areas; relevant terminology or terms; Islamic position in the provisions of the Malaysian Constitution, the Law and the Enactment of states throughout Malaysia. [C2]* 2. *Explain the history and development of false teachings, sources, standards that determine what a teaching is based on the true principles of Islamic teaching. [C3]* 3. *Analyse gazetted religious fatawa of deviant teachings. [C4]*
Kaedah Penilaian dan Pemarkahan Penilaian Berterusan: 40% Peperiksaan Akhir: 60%	***Marking and Assessment Methods*** *Continuous Assessment: 40%* *Final Examination: 60%*

IIQ3011 `Ilm al-Kalam wa al-Tahaddiyyat al-Mu`asirah (3 kredit)
IIQ3011 Kalam Tradition and Current Challenges (3 credit)

Sinopsis Kandungan Kursus	***Synopsis of Course Contents***
Kursus ini memperkenalkan tradisi ilmu kalam, sejarah perkembangan, skop, sumber berautoriti dan kaedah penghujahannya menurut perspektif *Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah.* Kursus juga menyegarkan semula wacana ilmu kalam berdasarkan elemen baru yang mengambil kira isu dan realiti semasa. Antara topik yang dibicarakan adalah cabaran pemikiran sofisme, ateisme, pasca-modenisme dan relativisme yang amat bercanggah dengan epistemologi, metafizik dan sistem nilai Islam serta bagaimana pendekatan Ilmu Kalam menanganinya.	*Introduces the tradition of Kalam, its development, scope, authority sources and its argumentation method based on Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah perspective. The course also refreshing the discourse of Kalam based on new elements considering of realities and current issues. Among the topics discussed are the challenge of sophism, atheism, postmodernism and relativism which are extremely contradict the epistemology, metaphysics, Islamic axiology, and how the Kalam approach deals with these phenomena.*
Hasil Pembelajaran Kursus Di akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Menjelaskan definisi Ilmu Kalam, sejarah perkembangan, skop, sumber berautoriti, dan kaedah penghujahan akliahnya menurut perspektif *Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah*. [C2] 2. Mengaplikasikan tema utama ilmu kalam sebagai asas wacana isu pemikiran semasa. [C3] 3. Menganalisis elemen baru dalam perkembangan ilmu kalam bagi maksud penerusan tradisi sedia ada dengan mengambil kira realiti semasa . [C4]	***Course Learning Outcomes*** *At the end of the course, students are able to:* *1. Explain the definition of Kalam, its historical development, scope, authority sources, and rational methods of Kalam argumentation based on ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah perspective. [C2]* *2. Apply the main themes of Kalam as the basis discourse on contemporary philosophical issues. [C3]* *3. Evaluate new elements in contemporary Kalam development as the traditional continuity towards current reality. [C4]*
Kaedah Penilaian dan Pemarkahan Penilaian Berterusan: 40% Peperiksaan Akhir: 60%	***Marking and Assessment Methods*** *Continuous Assessment: 40%* *Final Examination: 60%*

IIQ3012 Dunia Islam Kini (3 kredit)
IIQ3012 Modern Trends in Islamic World (3 credit)

Sinopsis Kandungan Kursus	***Synopsis of Course Contents***
Kursus ini membincangkan perkara-perkara yang meliputi keadaan negara dan umat Islam secara keseluruhannya, terutama dalam hal yang berkaitan dengan sejarah dan tamadun Islam. Ia juga melihat kepada keadaan semasa pada zaman moden ini apa yang berlaku di dalam negara-negara Islam.	*This course attempts to discuss things that covers Islamic countries and Muslim nations in general, especially in matters related to Islamic history and civilization. This includes the current trends which take place in this modern era and the current situation in Muslim countries.*
Hasil Pembelajaran Kursus Di akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Menghuraikan kedudukan dunia Islam dari aspek strategik, sosial dan tamadun. [C2] 2. Memberi respon terhadap sejarah kewujudan dan keadaan semasa negara-negara umat Islam dalam dunia moden kini. [P2] 3. Menganalisis cabaran-cabaran yang dihadapi dunia Islam pada hari ini. [A3]	***Course Learning Outcomes*** *At the end of the course, students are able to:* 1. *Explain the condition of Islamic world from strategic, social and civilization aspect. [C2]* 2. *Respond to the historical background of Muslim's countries and their current situation in the modern world. [P2]* 3. *Analyze challenges encountered by the Islam world at present time. [A3]*
Kaedah Penilaian dan Pemarkahan Penilaian Berterusan: 100% Peperiksaan Akhir: -	***Marking and Assessment Methods*** *Continuous Assessment: 100%* *Final Examination: -*

IIQ3013 Kertas Projek Usuluddin (6 kredit)
IIQ3013 Project Paper in Usuluddin (6 credit)

Sinopsis Kandungan Kursus	***Synopsis of Course Contents***
Kursus ini melatih pelajar untuk merangka objektif kajian yang bersesuaian dengan projek dalam bidang Usuluddin dengan menulis dan membentangkan satu kertas cadangan projek penyelidikan. Berdasarkan kertas cadangan tersebut, pelajar perlu mengaplikasikan kaedah penyelidikan yang sesuai dalam melaksanakan penyelidikan tersebut. Ia seterusnya memandu pelajar untuk menganalisis data kajian dalam bidang Usuluddin. Akhirnya, pelajar dapat menyampaikan hasil dapatan projek penyelidikan dalam suatu penulisan dan pembentangan akademik.	*This course trains students to plan research objectives relevant with a project in the field of Usuluddin studies by writing and presenting a research proposal paper. Based on the paper, students shall apply a suitable research method in executing the planned project. It also guides students to analyse research data in Usuluddin studies. Finally, the students could show the research project findings through an academic writing and presentation.*
Hasil Pembelajaran Kursus Di akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Merangka objektif kajian yang bersesuaian dengan projek dalam bidang Usuluddin. [C3] 2. Mengaplikasi kaedah penyelidikan yang sesuai dalam penyelidikan yang dirancang. [P3] 3. Menganalisis data kajian dalam bidang Usuluddin. [C4] Menyampaikan hasil dapatan projek penyelidikan secara penulisan dan pembentangan akademik. [P2]	***Course Learning Outcomes*** *At the end of the course, students are able to:* *1. Plan research objectives relevant with a project in the field of Usuluddin studies. [C3]* *2. Apply a suitable research method in the planned project. [P3]* *3. Analyse research data in Usuluddin studies. [C4]* *4. Show the research project findings through an academic writing and presentation. [P2]*
Kaedah Penilaian dan Pemarkahan Penilaian Berterusan: 100% Peperiksaan Akhir: -	***Marking and Assessment Methods*** *Continuous Assessment: 100%* *Final Examination: -*

IIQ3014 Latihan Industri Usuluddin (6 kredit)
IIQ3014 Industrial Training in Usuluddin (6 credit)

Sinopsis Kandungan Kursus Kursus ini mendedahkan pelajar kepada pengalaman dalam suasana bekerja sebenar. Ia memberi peluang kepada pelajar untuk belajar melaksanakan tugas yang diamanahkan oleh majikan. Dengan itu, pelajar dapat berlatih mengaplikasikan teori dan pengetahuan yang bersesuaian dalam persekitaran kerjaya. Dalam masa yang sama, ia membolehkan pelajar mengenal pasti pelbagai aspek tanggungjawab, khusus menyeimbangkan peranan terhadap keluarga dan majikan semasa dalam alam kerjaya. Kursus ini juga menghendaki pelajar mempamerkan etika, akhlak dan profesionalisme dalam persekitaran profesional.	***Synopsis of Course Contents*** *This course exposes students to the experience of real working environment. It gives an opportunity for students to train in performing tasks assigned by the employer. Therefore, students shall practice in applying appropriate theory and knowledge in a career environment. Meanwhile, it enables students to identify various facets of responsibilities, especially balancing act between those towards the family and the employer. This course also expects students to demonstrate ethic and professionalism in professional environment.*
Hasil Pembelajaran Kursus Di akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Melaksanakan tugas yang diamanahkan oleh majikan. [P3] 2. Menggunakan teori dan pengetahuan yang bersesuaian dalam persekitaran kerjaya. [C3] 3. Mempamerkan etika dan profesionalisme dalam persekitaran profesional. [A2]	***Course Learning Outcomes*** *At the end of the course, students are able to:* *1. Perform tasks assigned by the employer. [P3]* *2. Apply appropriate theory and knowledge in a career environment. [C3]* *3. Demonstrate ethic and professionalism in professional environment. [A2]*
Kaedah Penilaian dan Pemarkahan Penilaian Berterusan: 100% Peperiksaan Akhir: -	***Marking and Assessment Methods*** *Continuous Assessment: 100%* *Final Examination: -*

HURAIAN KURSUS KURSUS ELEKTIF PROGRAM /
DECSRIPTION OF PROGRAMME ELECTIVE COURSE

Pengkhususan: PEMIKIRAN ISLAM DAN PENGAJIAN KEROHANIAN / *ISLAMIC THOUGHT AND SPIRITUAL STUDIES*

III1006 Isu Akidah dan Pemikiran Islam Semasa (3 kredit)
III1006 Contemporary Issues in Islamic Creeds and Thought (3 credit)

Sinopsis Kandungan Kursus Kursus ini membincangkan isu-isu akidah dan Pemikiran Islam semasa. Kursus ini mendedahkan konsep serta prinsip akidah dan pemikiran yang sahih. Kursus melibatkan isu perselisihan pandangan berhubung persoalan akidah termasuk firaq Islam seperti Syiah, Khawarij dan Muktazilah. Kursus turut mendedahkan cabaran serangan fahaman moden Barat terhadap akidah dan pemikiran umat Islam seperti Pluralisme Agama, Feminisme, dan Islam Liberal. Kursus turut menganalisis syubhah dan implikasi perspektif yang pelbagai ini terhadap akidah dan pemikiran Islam yang sahih.	***Synopsis of Course Contents*** *This course discusses the issues in Aqidah and Islamic Thought. It also discusses the authentic principle of Islamic creeds and thought. The issues include the variable perspective among the Islamic sects such as Shiite, Kharijite and Muktazilite on theology. This course also discusses the challenge of Modern Western thought towards the Islamic creeds and thought such as Pluralism, Feminism, and Liberal Islam. The course also analyses arguments of these perspectives and its implication towards the Aqidah and Islamic Thought are valid.*
Hasil Pembelajaran Kursus Di akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Mengenal pasti isu akidah dan pemikiran Islam yang timbul dalam kalangan masyarakat Islam, khususnya di Malaysia. [C2] 2. Mengaplikasikan prinsip akidah dan pemikiran Islam secara praktikal dalam kehidupan. [C3] 3. Menganalisis isu akidah dan pemikiran Islam menurut perspektif Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah. [C4]	***Course Learning Outcomes*** *At the end of this course, students are able to:* *1. Identify the authentic perspective of Islamic creeds and thought. [C2]* *2. Apply the principle of Islamic creeds and thought in daily life. [C3]* *3. Analyse the contemporary issues of thought referred to the Islamic creeds and thought. [C4]*
Kaedah Penilaian dan Pemarkahan Penilaian Berterusan: 40% Peperiksaan Akhir: 60%	***Marking and Assessment Methods*** *Continuous Assessment: 40%* *Final Examination: 60%*

III1007 Psikospiritual Islam (3 kredit)
III1007 Islamic Psychospiritual (3 credit)

Sinopsis Kandungan Kursus	***Synopsis of Course Contents***
Kursus ini menghuraikan konsep asas dan lanjutan psikospiritual Islam dan teori berkaitannya berlandaskan perspektif ilmu tasawuf. Ia turut membincangkan konsep insan dan jiwa, perkembangan insan, kesihatan mental, psikopatologi, teori kecerdasan dan pengenalan kepada tiga model dan modul asas terapi. Untuk menerangkan topik yang berkaitan, pandangan para ulama klasik 'dan pemikir moden akan dirujuk.	*This course discusses the basic and advanced concepts of Islamic psychospiritual based on Sufism. It focuses on the debate, among them are concept of human being and soul, human growth and development, mental health, psychopathology, theories of intelligence and introduction to three models and modules of basic therapies. In order to explain the related topics, the views by classical ulama' and modern thinkers will be consulted.*
Hasil Pembelajaran Kursus Di akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Menghurai konsep asas psikospiritual Islam dan teori berkaitannya berlandaskan perspektif ilmu tasawuf. [C2] 2. Mengaplikasi prinsip psikospiritual Islam secara mahir dan praktikal dalam konteks kehidupan realiti dan keadaan semasa.[C3] 3. Merancang kaedah terapi psikospiritual Islam dalam rawatan dan pemulihan psikopatologi berdasarkan pandangan para ulama' klasik dan terapis moden. [P3]	***Course Learning Outcomes*** *At the end of the course, students are able to:* 1. *Explain the basic concepts of Islamic psychospiritual and its related theories based on perspective of Sufism. [C2]* 2. *Use the principles of Islamic psychospiritual skilfully and practically in real life contexts and current situations. [C3]* 3. *Design the method of Islamic psychospiritual therapy in the treatment and rehabilitation of psychopathology based on the views of classical scholars and modern therapists. [P3]*
Kaedah Penilaian dan Pemarkahan Penilaian Berterusan: 60% Peperiksaan Akhir: 40%	***Marking and Assessment Methods*** *Continuous Assessment: 60%* *Final Examination: 40%*

III1008 Dialog Inter Agama dalam Konteks Kemajmukan (3 kredit)
III1008 Interfaith Dialogue in the Context of Diversity (3 credit)

Sinopsis Kandungan Kursus	***Synopsis of Course Contents***
Kursus ini memberi penekanan kepada kupasan berkenaan asas-asas dialog antara agama menurut al-Quran dan Sunnah. Ia juga menganalisis sirah Rasulullah S.A.W. secara mendalam bagi memahami dialog baginda dengan bukan Muslim dengan meneliti enam kes yang utama yang melibatkan Kristian, Yahudi dan golongan mushrik. Bagi setiap kes yang dianalisa, konteks sosio-politik yang terlibat turut dinilai secara kritis. Perbincangan kursus ini juga turut menyorot perjalanan sejarah umat Islam yang melibatkan hubungan para pemimpin Muslim dengan bukan Muslim, sehinggalah kejatuhan tamadun Islam. Seterusnya, perbezaan dinamik dalam hubungan antara agama sewaktu dan setelah zaman penjajahan Barat ke atas umat Islam turut diketengahkan bagi memahami perubahan global dalam hubungan antara agama. Pendefinisian konsep-konsep penting seperti dhimmi, harbi, muwatin, yang merupakan implikasi perubahan lanskap dunia ini dibincangkan untuk memastikan kefahaman para pelajar adalah selari dengan perkembangan pemikiran Islam semasa. Pada akhir kursus ini, sorotan diberikan kepada konteks kemajmukan Malaysia dengan mengambil kira peranan penting rukunegara, bentuk-bentuk dialog di Malaysia, cabaran serta prospek dialog di negara ini.	*This course emphasizes on the fundamental of interfaith dialogue according to the Quran and the Sunnah. It analyses the history of Prophet Muhammad's life in-depth to understand his dialogue with the non Muslims by studying six major cases which involve the Christians, Jews and idol worshippers. The socio-political contexts of the cases are also evaluated critically. The discussion also pays attention at the Muslim history until the fall of Ottoman Empire where Muslim-non Muslim relationships are concerned. The different interfaith dynamic in the colonial period and post-colonialism is brought forth to comprehend the global changes in the interfaith relationship. The implications caused by the changing of the global landscape --concepts such as dhimmi, harbi, muwatin will be discussed to ensure that the understanding of the students is up to date. At the end of the course, Malaysian diversity context is put into perspective by considering the role of rukunegara, challenges and prospects of Malaysian interfaith dialogue.*
Hasil Pembelajaran Kursus Di akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Menganalisis kriteria-kriteria utama dan nilai-nilai teras dalam hubungan antara agama berdasarkan Qur'an dan Sunnah. [C4] 2. Menilai perubahan konteks perbezaan zaman dalam dinamik hubungan Islam dengan agama lain. [C4] 3. Mengaplikasikan prinsip-prinsip dan etika dalam dialog antara agama berdasarkan kesesuaian konteks. [P3]	***Course Learning Outcomes*** *At the end of the course students are able to:* *1. Analyse the main criteria and core values in interfaith relations based on the Quran and Sunnah. [C4]* *2. Evaluate the changing contexts of the different ages in the dynamics of Islam and its relationship with other religions. [C4]* *3. Apply Islamic principles and ethics of interfaith dialogue appropriately based on different contexts. [P3]*
Kaedah Penilaian dan Pemarkahan Penilaian Berterusan: 100% Peperiksaan Akhir: -	***Marking and Assessment Methods*** *Continuous Assessment: 100%* *Final Examination: -*

III2010 Akidah Dalam Tafsir al-Qur'an (3 kredit)
III2010 Aqidah in the Interpretation of the Qur'an (3 credit)

Sinopsis Kandungan Kursus	***Synopsis of Course Contents***
Kursus ini membincangkan metode al-Quran dalam membentangkan akidah Islam. Ia juga membincangkan topik-topik penting dalam akidah berpandukan dalil al-Quran menurut *Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah* seperti wujud Allah SWT, Makrifatullah, al-Wahdaniyyah dan al-Tawhid, Sifat dan Asma' Allah SWT, *Ru'yat Allah* SWT, al-Sifat al-Khabariyyah, al-Qada' dan al-Qadar, Af`al al-Ibad, al-Nubuwwat dan al-Ghaybiyyat. Ia akan turut membahaskan pendirian akidah golongan selain *Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah*.	*This course discusses the Quranic method in presenting the Islamic creed. It also discusses important topics in the creed based on the Qur'anic evidences from the perspective of Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah such as the existence of Allah SWT, Ma'rifat Allah, al-Wahdaniyyah and al-Tawhid, Attributes and Names of 'Allah SWT, Ru'yat Allah SWT, al-Sifat al-Khabariyyah, al-Qada' and al-Qadar, Af`al al-Ibad, al-Nubuwwat and al-Ghaybiyyat. Additionally, it discourses the positions of other theological sects.*
Hasil Pembelajaran Kursus	***Course Learning Outcomes***
Di akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Menerangkan metode al-Quran dalam membentangkan akidah Islam berdasarkan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. [C2] 2. Menghuraikan ayat al-Quran berkaitan doktrin akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*. [A3] 3. Membezakan doktrin akidah berdasarkan pendalilan ayat al-Quran antara fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan golongan lain. [C4]	*At the end of the course, students are able to:* *1. Describe the Quranic method of presenting Islamic creed based on Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. [C2]* *2. Explain the Quranic evidences related to Islamic creed of Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. [A3]* *3. Differentiate theological doctrines based on the Quranic evidences between Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah and other sects. [C4]*
Kaedah Penilaian dan Pemarkahan	***Marking and Assessment Methods***
Penilaian Berterusan: 60% Peperiksaan Akhir: 40%	*Continuous Assessment: 60%* *Final Examination: 40%*

III2011 Psikologi Agama (3 kredit)
III2011 Psychology of Religion(3 credit)

Sinopsis Kandungan Kursus Kursus ini memfokuskan perbincangan kepada isu psikologi agama seperti konsep umum dan metodologi psikologi agama, pertumbuhan dan perkembangan jiwa agama (al-shu`ur al-dini) kanak-kanak, remaja, dewasa dan orang tua berdasarkan ajaran Islam dan perbezaannya dengan pemikiran barat. Ia turut menganalisis keperibadian dan sikap beragama serta pengaruh dan halangan terhadap perkembangan jiwa agama diantaranya dari aspek falsafah, sosiologi, kebudayaan, pendidikan dan psikologi. Persoalan berkaitan halangan kepada perkembangan yang normal, tingkah laku keagamaan yang berubah dan faktornya turut dibincangkan. Selain itu, cadangan terhadap cara mengatasi faktor tersebut akan turut ditekankan.	***Synopsis of Course Contents*** *The course focuses on issues of religious psychology such as general concepts and methodologies of religious psychology, growth and development of religious souls (al-shu`ur al-dini) of children, adolescents, adults and the elderly based on Islamic teachings and their differences with western thought. It also analyzes personalities and religious attitudes as well as influences and barriers to the development of the religious soul including aspects of philosophy, sociology, culture, education and psychology. Issues related to barriers to normal development, changing religious behavior and its factors are also discussed. In addition, suggestions on how to overcome these factors will also be emphasized.*
Hasil Pembelajaran Kursus Diakhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Menghuraikan perspektif Islam dan barat mengenai teori pertumbuhan dan perkembangan jiwa agama. [C2] 2. Menunjukkan pengaruh dan halangan terhadap perkembangan jiwa agama. [P2] 3. Menyesuaikan penemuan disiplin moden yang relevan dengan pengajaran daripada pandangan ulama klasik. [A3]	***Course Learning Outcomes*** *At the end of the course, students are able to:* *1. Describe Islamic and western perspectives on the theory of the growth and development of religious souls. [C2]* *2. Show the influences and barriers to the development of the human religious soul. [P2]* *3. Adapt the findings of modern disciplines relevant to the teaching of classical scholars. [A3]*
Kaedah Penilaian dan Pemarkahan Penilaian Berterusan: 60% Peperiksaan Akhir: 40%	***Marking and Assessment Methods*** *Continuous Assessment: 60%* *Final Examination: 40%*

III2012 Dialog Intra Agama (3 kredit)
III2012 Intra-faith Dialogue (3 credit)

Sinopsis Kandungan Kursus	***Synopsis of Course Contents***
Kursus ini membincangkan konsep dialog dan peranannya dalam menguruskan perbezaan pendapat sesama Muslim. Ia turut menonjolkan dinamika dan bentuk yang berbeza dalam perbezaan pendapat di kalangan para sahabat, tabi' dan tabi'in, serta ulama' akidah dan fiqh, serta cara mereka menghadapinya. Di samping itu, kursus ini juga menganalisa punca-punca dan bentuk-bentuk polemik intra agama serta krisis-krisis yang bersifat membinasakan berdasarkan sejarah Islam dan isu-isu kontemporari. Akhirnya, kursus ini juga menerangkan adab-adab dan prinsip-prinsip dalam perbezaan pandangan seperti yang telah diperjelaskan oleh sarjana Muslim.	*The course discusses the concept of dialogue and its roles in managing different opinions among Muslims. It portrays different dynamics and modes of disputes among the Companions, followers of the Companions, scholars in the disciplines of 'aqidah and Islamic jurisprudence and demonstrates the approaches taken to handle the disputes. Besides, it analyses the causes and forms of intra-faith polemics and destructive crises based on historical events and contemporary issues. Finally, it explains the ethics and principles of disagreement as outlined by Muslim scholars.*
Hasil Pembelajaran Kursus Di akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Menghuraikan konsep dialog, kepelbagaian dan adab ikhtilaf di antara Muslim dengan panduan al-Qur'an, al-Hadith dan sumber berwibawa. [C2] 2. Menganalisa punca dan bentuk polemik intra agama serta krisis yang bersifat destruktif. [C4] 3. Mengaplikasikan adab dalam menguruskan perbezaan pandangan sesama Muslim. [P3]	***Course Learning Outcomes*** *At the end of the course, students are able to:* 1. *Explain the concepts of dialogue, diversity and ethics of disagreement based on the Quran, al-Hadith and the authoritative sources. [C2]* 2. *Analyse the causes and forms of intra-faith polemics and destructive crises. [C4]* 3. *Apply the ethics in managing diversity among Muslims. [P3]*
Kaedah Penilaian dan Pemarkahan Penilaian Berterusan: 100% Peperiksaan Akhir: -	***Marking and Assessment Methods*** *Continuous Assessment: 100%* *Final Examination: -*

III2013 Kajian Teks Kerohanian dan Pemikiran Islam (3 kredit)
III2013 Textual Study on Spiritual and Islamic Thought (3 credit)

Sinopsis Kandungan Kursus Kursus ini akan menjuruskan pengkajian tentang isi, kepentingan dan autoriti karya-karya utama kerohanian dan pemikiran Islam. Ia mengetengahkan karya-karya warisan tentang istilah, bibliografi, autobiografi tokoh kerohanian dan pemikiran Islam. Di samping itu sumber-sumber primer dan muktabar bidang kerohanian dan pemikiran Islam merangkumi kitab-kitab akidah pelbagai mazhab, perkembangan aliran (firaq), falsafah Islam, tasawuf dan psikoterapi Islam akan diperbincangkan.	***Synopsis of Course Contents*** *This course will focus on the content, importance and authority of the major works of spiritual and Islamic thought. It highlights heritage works on terms, bibliography, autobiography of Islamic thought and spiritual figures. In addition to the primary and providential sources of spiritual and Islamic thought including the various faith-based bible books, the development of the flow (Islamic), Islamic philosophy, Sufism and Islamic psychotherapy will be discussed*
Hasil Pembelajaran Kursus Di akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Menjelaskan senarai buku-buku berautoriti dalam bidang kerohanian dan pemikiran Islam. [C2] 2. Menunjukkan perbandingan tokoh-tokoh yang mempunyai kredibiliti untuk menjadi rujukan dalam bidang kerohanian dan pemikiran Islam . [P2] 3. Menganalisis autoriti karya klasik dan kontemporari dalam bidang kerohanian dan pemikiran Islam. [C3]	***Course Learning Outcomes*** *At the end of the course, students are able to:* 1. *Explain list of authoritative books of spiritual and Islamic thought. [C2]* 2. *Show a comparison credible individuals for reference in the areas of spiritual and Islamic thought . [P2]* 3. *Evaluate the authority of classical and contemporary works in the field of spiritual and Islamic thought.[C3]*
Kaedah Penilaian dan Pemarkahan Penilaian Berterusan: 40% Peperiksaan Akhir: 60%	***Marking and Assessment Methods*** *Continuous Assessment: 40%* *Final Examination: 60%*

III2014 Falsafah Dunia (3 kredit)
III2014 World Philosophies (3 credit)

Sinopsis Kandungan Kursus	***Synopsis of Course Contents***
Kursus ini membincangkan ilmu falsafah global yang meliputi pengenalan ilmu falsafah dan sejarah pada zaman awal sehingga kini. Kursus ini bertujuan memberi kefahaman mengenai falsafah-falsafah dunia seperti falsafah Asia, Timur Tengah dan Moden. Selain itu, perbincangan dan perbahasan dalam kursus ini turut berperanan dalam usaha mengetahui kepentingangan falsafah global ini.	*The course discusses the world philosophies knowledge which covers the introduction of philosophy and history from ancient times to the present. This course aims to provide insights into world-class philosophies such as Asian, Middle Eastern and Modern philosophy. In addition, the discussion and debate in this course also play a role in understanding the importance of this world philosophies.*
Hasil Pembelajaran Kursus Di akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Menghuraikan teori falsafah dunia menurut perspektif Islam. [C1] 2. Melakukan diskusi perbezaan falsafah dunia menurut perspektif Islam. [P2] 3. Merumuskan sejarah, topik-topik dan kepentingan falsafah dunia menurut perspektif Islam. [C2]	***Course Learning Outcomes*** *At the end of the course, students are able to:* *1. Describe the theory of world philosophies in Islamic perspective. [C1]* *2. Discuss the similarities and differences between world philosophies in Islamic perspective. [P2]* *3. Sum up histories, topics and importances of world philosophies in Islamic perspective. [A2]*
Kaedah Penilaian dan Pemarkahan Penilaian Berterusan: 40% Peperiksaan Akhir: 60%	***Marking and Assessment Methods*** *Continuous Assessment: 40%* *Final Examination: 60%*

III3006 Epistemologi Islam (3 kredit)
III3006 Islamic Epistemology(3 credit)

Sinopsis Kandungan Kursus Kursus ini membincangkan konsep epistemologi Islam dan perbandingannya dengan epistemologi Barat moden serta pasca moden. Antara perkara yang akan dibincangkan ialah tentang definisi ilmu, tabiat ilmu dan hierarkinya, sumber ilmu dan kepentingan ilmu dalam Islam. Ia akan akan turut membahaskan persoalan islamisasi ilmu pengetahuan, konsep pendidikan Islam dan isu-isu semasa dalam epistemologi Islam.	***Synopsis of Course Contents*** *This course identifies the philosophy, principle, importance and objective of Islamic epistemology. Amongst the discussed topics are definition of knowledge, its nature, hierarchy, sources and importance in Islam. It shall also discuss the notion of Islamization of knowledge, the concept of Islamic education and contemporary issues in Islamic epistemology.*
Hasil Pembelajaran Kursus Di akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Menghurai falsafah, prinsip, kepentingan dan objektif epistemologi Islam. [C2] 2. Menganalisis kecenderungan intelektual yang mempunyai impak terhadap kefahaman Islam. [C4] 3. Mengurus maklumat yang bersumberkan karya turath dan khazanah ilmiah pemikiran Islam. [A2]	***Course Learning Outcomes*** *At the end of the course, students are able to:* *1. Identify the philosophy, principle, importance and objective of Islamic epistemology. [C2]* *2. Analyse intellectual strands which could impact Islamic understanding. [C4]* *3. Manage information that is based on turath and scholarly books in Islamic thought. [A2]*
Kaedah Penilaian dan Pemarkahan Penilaian Berterusan: 40% Peperiksaan Akhir: 60%	***Marking and Assessment Methods*** *Continuous Assessment: 40%* *Final Examination: 60%*

III3008 Falsafah dan Ideologi Moden (3 kredit)
III3008 Modern Philosophy and Ideology (3 credit)

Sinopsis Kandungan Kursus	***Synopsis of Course Contents***
Kursus ini memperkenalkan falsafah, prinsip dan ciri ideologi moden dan pemikiran pascamoden. Ia menganalisis beberapa aliran utama ideologi dan pemikiran moden dan pascamoden yang mempunyai impak terhadap kefahaman, persepsi, kepercayaan dan praktik keislaman berdasarkan kemahiran kritis, analitis dan saintifik bertunjangkan ilmu Usuluddin, pemikiran Islam dan kerohanian untuk menyelesaikan masalah dan isu dalam masyarakat. Kursus ini juga melatih kemahiran merujuk dan mengurus maklumat yang bersumberkan karya turath dan penulisan ilmiah bidang Usuluddin, pemikiran Islam dan kerohanian yang berwibawa dalam pembelajaran sepanjang hayat demi menangani ideologi dan pemikiran moden dan pascamoden.	*This course introduces the philosophy, principle and characteristic of modern ideologies and postmodern thoughts. It then analyses strands of modern and postmodern ideologies and thoughts which could impact Islamic understanding, perception, belief and practice based on critical, analytical and scientific thinking founded upon the knowledge of Usuluddin, Islamic thought and spirituality in solving problem and issue in the society. Furthermore, it train the skill to refer to and manage information from sources within the tradition and established scholarly works in the discipline of Usuluddin, Islamic thought and spirituality towards a lifelong learning in order to face the challenge of modern and postmodern ideologies and thoughts.*
Hasil Pembelajaran Kursus Di akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Menghurai idea utama dalam falsafah dan ideologi moden. [C2] 2. Menganalisis falsafah dan ideologi moden yang mempunyai impak terhadap kefahaman Islam. [C4] 3. Mengurus maklumat yang bersumberkan karya turath dan khazanah ilmiah pemikiran Islam. [A2]	***Course Learning Outcomes*** *At the end of the course, students are able to:* *1. Identify main ideas in modern philosophy and ideology. [C2]* *2. Analyse modern philosophy and ideology which could impact Islamic understanding. [C4]* *3. Manage information that is based on turath and scholarly books in Islamic thought. [A2]*
Kaedah Penilaian dan Pemarkahan Penilaian Berterusan: 40% Peperiksaan Akhir: 60%	***Marking and Assessment Methods*** *Continuous Assessment: 40%* *Final Examination: 60%*

III3009 Tasawuf dan Tarekat (3 kredit)
III3009 Sufism and Sufi Oders (3 credit)

Sinopsis Kandungan Kursus	***Synopsis of Course Contents***
Kursus ini memperkenalkan disiplin ilmu tasawuf dan tarekat dengan memfokuskan kepada perbincangan mengenai falsafah, prinsip dan ajaran tasawuf dan tarekat dalam Islam. Ia juga mendiskusi kefahaman, persepsi, kepercayaan dan praktik ajaran tasawuf secara analitikal bertunjangkan ajaran Ahli Sunnah wal Jama`ah. Selain itu, kursus ini turut membincangkan pandangan ulama tasawuf klasik dan semasa berteraskan Ahli Sunnah wal Jama`ah mengenai beberapa isu yang wujud dalam perbahasan tasawuf dan tarekat.	*This course introduces the discipline of Tasawwuf by focusing on discussion of philosophy, principles and teachings of Sufism and Sufi orders in Islam. It also discusses the understanding, perceptions, beliefs and practices of the Sufism analytically based on the teachings of Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah. It also explains the views of classical and contemporary Sufis scholars based on Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah to understand issues of Sufism and Sufi orders*
Hasil Pembelajaran Kursus Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Menghuraikan falsafah, prinsip dan ajaran tasawuf dan tarekat dalam Islam. [C2] 2. Mengaplikasikan kefahaman, persepsi, kepercayaan dan praktik ajaran tasawuf secara analitikal bertunjangkan ajaran Ahli Sunnah wal Jama`ah. [C3] 3. Menyesuaikan pengajaran daripada pandangan ulama tasawuf klasik dan semasa berteraskan Ahli Sunnah wal Jama`ah untuk memahami isu klasik dan semasa yang wujud dalam tasawuf dan tarekat. [A2]	***Course Learning Outcomes*** *At the end of the course, students are able to:* 1. *Explain the philosophy, principles and teachings of Sufism and Sufi Oders in Islam. [C2]* 2. *Apply the understanding, perception, beliefs and practices of the Sufism analytically based on the teachings of Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah. [C3]* 3. *Adapt the views of classical and contemporary Sufis scholars based on Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah to understand classical and contemporary issues of Sufism and Sufi orders. [A2]*
Kaedah Penilaian dan Pemarkahan Penilaian Berterusan: 40% Peperiksaan Akhir: 60%	***Marking and Assessment Methods*** *Continuous Assessment: 40%* *Final Examination: 60%*

III3010 Al-Mantiq (3 kredit)
III3010 Al-Mantiq (3 credit)

Sinopsis Kandungan Kursus	***Synopsis of Course Contents***
Kursus ini membincangkan mengenai ilmu mantik sebagai kaedah berfikir yang penting. Ini termasuklah aspek definisi, topik, skop, sumber dan metode ilmu mantik. Kursus ini turut membahaskan mengenai sejarah perkembangan ilmu mantik klasik dan moden sejak zaman Yunani, Islam dan Barat moden. Kursus ini turut membincangkan kaedah berfikir yang ilmiah, sahih dan tersusun atur menurut neraca ilmu mantik. Ia merangkumi perbahasan mengenai konsep *al-dilalah*, *al-alfaz* dan asas *al-tasawwur* iaitu *al-kulliyyat al-khams* dan aplikasinya dalam membina definisi. Ia turut mencakupi perbahasan mengenai asas *al-tasdiq* iaitu *al-qadiyyah* dan aplikasinya dalam perbahasan *al-qiyas* serta konsep *al-tanaqud* dan *al-`aks*. Kursus ini meninjau tentang *al-istiqra'* dalam mantik moden dan aspek kesepaduan ilmu dalam mantik Islam. Nilai aplikasi mantik dalam pengajian Usuluddin dan wacana semasa turut dianalisis di akhir diskusi.	*The course discusses the mantiq as an important method of thought. The course describes definition, topics, scopes, sources and methods of logic. The course also explains the development of logic in the Ancient Greek, Islamic and modern western history of thought. The course also discusses the scientific, authentic and systematic way of thought referred to the logic tradition. The course also discusses the words, meanings and basic concept of al-tasawwur – al-kulliyyat al-khams and its application in the process of definition. It elaborates the basic concept of al-tasdiq or al-qadiyyah and its application in the process of al-qiyas and also the problem of paradox or self-contradictory. The course also observes the method of induction in modern logic and the comprehensive condition of Islamic Logic. The application will be analysed at the end of the discussion.*
Hasil Pembelajaran Kursus Di akhir kursus ini, pelajar dapat: 1. Menjelaskan definisi, topik, sumber dan skop ilmu mantik sebagai kaedah berfikir yang penting. [C2] 2. Menghuraikan faedah dan kepentingan ilmu mantik dalam sejarah perkembangan ilmu mantik klasik dan moden. [C2] 3. Menganalisis penggunaan kaedah mantik dalam karya utama pengajian Usuluddin dan wacana semasa yang bersesuaian. [C4]	***Course Learning Outcomes*** *At the end of the course, students are able to:* *1. Explain definitions, topics, scope, and sources of mantiq as important ways of thinking. [C2]* *2. Explain the benefits and importance of mantiq in the historical development of classical and modern logic. [C2]* *3. Apply a scientific, authentic and organized way of thinking in accordance with the logic tradition. [C4]*
Kaedah Penilaian dan Pemarkahan Penilaian Berterusan: 40% Peperiksaan Akhir: 60%	***Marking and Assessment Methods*** *Continuous Assessment: 40%* *Final Examination: 60%*

III3011 Kajian Agama (3 kredit)
III3011 Study of Religions (3 credit)

Sinopsis Kandungan Kursus	***Synopsis of Course Contents***
